

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 19.09.2024 MASA: 11.45 AM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

PROGRAM GOTONG-ROYONG MEGA 2024

TARIKH / MASA / TEMPAT

**21 SEPTEMBER 2024 (SABTU)
8.30 PAGI**

**DEWAN SERBAGUNA MPKK
TAMAN CHAI LENG
PERAI
SEBERANG PERAI TENGAH**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Berhormat Dato'Seri Sundarajoo A/I Somu

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Merangkap

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan Dan Alam Sekitar

Yang Dihormati Barisan Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Dihormati Encik Ponnudurai A/I Anthony Srinvasagam

Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Marilah sama-sama kita merafakkan rasa syukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah perkenannya kita dapat berkumpul dalam **Majlis Perasmian Program Gotong-Royong Mega 2024 Daerah Seberang Perai Tengah di Dewan Serbaguna MBKK, Taman Chai Leng, Perai.**
2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Seri Sundarajoo a/l Somu, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengurus Perumahan dan Alam Sekitar yang sudi hadir untuk merasmikan **Program Gotong-Royong Mega 2024 Daerah Seberang Perai Tengah** ini.
3. Tidak lupa juga kepada Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis, Yang Berusaha Tuan Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan dan

Pegawai-Pegawai Kanan MBSP, warga kerja MBSP khususnya Wira Oren, pihak Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), Rukun Tetangga, Persatuan Penduduk, pada penduduk setempat dan semua pihak yang turut mengambil bahagian dalam Program Gotong Royong Mega ini. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan pada hari ini, di hujung minggu, mencerminkan kesungguhan dan komitmen yang padu, serta semangat berpasukan dan sekaligus memupuk semangat cintakan kehijauan bagi melakukan pembersihan kawasan sekitar

4. Dalam menawarkan perkhidmatan yang terbaik dan meningkatkan kualiti kehidupan rakyat Seberang Perai, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) akan terus memberi tumpuan kepada *Back To Basic and Getting The Basic Right*, di mana kita kembali melihat hakiki tanggungjawab sebuah Pihak Berkuasa Tempatan. Isu pembersihan, penguatkuasaan dan hasil adalah cabaran utama yang perlu dititikberatkan. Sekiranya ketiga-tiga cabaran ini dapat dilaksanakan dengan baik, ia akan membawa kepada “*Community Satisfaction*”.
5. Disamping itu, MBSP akan terus berusaha untuk mencapai kesepakatan kumuniti dan keunggulan organisasi dengan kerjasama penuh daripada 4Ps iaitu *People, Private, Public* dan *Partnership* seperti mana yang dilaksanakan pada hari ini.
6. Program Gotong-Royong Mega 2024 pada hari ini akan dilaksanakan di kawasan taman perumahan dan pasar awam di Taman Chai Leng.

Ini merupakan usahasama di antara syarikat-syarikat kontraktor pembersihan, penduduk setempat termasuk pihak MPKK, Rukun Tetangga, Persatuan Penduduk dan Wira Oren MBSP sendiri, dalam usaha melestarikan alam sekitar, mendidik masyarakat tentang kepentingan memelihara kebersihan persekitaran serta memberi kesedaran bahawa dengan program seumpama ini dapat mengeratkan hubungan dalam kalangan penduduk setempat.

7. Program Gotong-Royong Mega 2024 telah julung kalinya diadakan pada 30 Jun 2024 yang lalu di dua (2) kawasan serentak iaitu di Taman Puteri Gunung dan Taman Seruling Emas, Seberang Perai Selatan. Hari ini Program Gotong Royong Mega akan diadakan serentak di tiga (3) lokasi iaitu Taman Kerapu, Butterworth, SPU; Taman Chai Leng, Perai, SPT dan Taman Merak Jaya, Simpang Ampat, SPS.
8. Program Gotong-Royong Mega ini adalah salah satu inisiatif strategik MBSP melalui Jabatan Perkhidmatan Perbandaran MBSP dalam memantapkan pembersihan bandar khususnya di seluruh kawasan Seberang Perai. Berdasarkan statistik kutipan sampah sepanjang Program Gotong-Royong Mega ini berlangsung, sebanyak **211.68 tan** sampah telah berjaya dikutip hasil daripada usaha semua pihak termasuk penduduk sendiri.

9. Dengan adanya Program Gotong-Royong Mega ini, akan menjadikan kawasan penduduk setempat menjadi lebih bersih dan sekaligus dapat mendidik masyarakat untuk lebih cakna tentang rasa tanggungjawab dalam memelihara kawasan persekitaran.
10. Melihatkan kejayaan Program-Program Gotong-Royong Mega ini, MBSP akan terus menganjurkan program ini di **45 buah lokasi** lagi di seluruh kawasan Seberang Perai sehingga penghujung tahun 2024, iaitu pada setiap hari Sabtu.
11. Program Gotong-Royong Mega ini bukan sekadar satu aktiviti, tetapi juga membuka ruang untuk memperbaiki dan memperkuuhkan komuniti secara keseluruhan, di samping dapat meningkatkan kualiti dan kebersihan persekitaran serta menambahbaik kemudahan infrastruktur di kawasan setempat. Tinggi harapan saya, agar program sebegini dijadikan wadah permulaan semangat cintakan kebersihan di kalangan penduduk Seberang Perai dan budaya kesepakatan menjaga alam sekitar ini sentiasa diamalkan.
12. Keindahan dan kebersihan persekitaran kampong, taman perumahan. kawasan perbandaran dan kawasan perindustrian adalah tanggungjawab kesemua rakyat Seberang Perai. Kita tidak boleh mengharapkan kepada MBSP sahaja dalam menggalas tanggungjawab ini.

13. Tahniah dan Syabas saya ucapkan kepada Jabatan Perkhidmatan Perbandaran MBSP dan semua yang terlibat dalam menjayakan program ini menjadikan kempen ini menjadi kenyataan.
14. Saya bagi pihak MBSP mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang bersama-sama menjayakan program pada hari ini dan membantu MBSP untuk menjadikan Seberang Perai bersih, indah dan selesa didiami.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.